

Kenaikan OPR: Golongan B40 payah buat pinjaman baharu

Harian Metro · 10 Sep 2022

Kuala Lumpur: Kenaikan tiga kali Kadar Dasar Semalaman (OPR) tahun ini dilihat bukan saja memberi kesan kepada peminjam bank di Malaysia, malah menyukarkan golongan B40 untuk membuat pinjaman baharu.



Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, kenaikan OPR itu juga memberi kesan terutama kepada kadar faedah yang diapungkan.

Katanya, ia merangkumi kedua-dua pinjaman Islamik dan konvensional di mana kadar pinjaman perumahan juga diapungkan.

“Untuk pinjaman pada kadar tetap seperti kereta, motosikal, peribadi dan kad kredit yang sudah sedia ada, tidak memberi kesan terhadap bayaran bulanan, tetapi untuk pinjaman baharu kadar pinjaman tetap yang lebih tinggi akan dikenakan kepada peminjam.

“Bagi golongan B40 pula, mereka tidak mempunyai pinjaman yang banyak pada kadar apungan kerana bank mengenakan kadar faedah tetap yang mungkin lebih tinggi daripada golongan lain kerana risikonya juga tinggi.

“Namun begitu, golongan B40 mungkin menghadapi kesulitan lebih untuk membuat pinjaman baharu sama ada membeli rumah, kereta, pinjaman peribadi dan sebagainya kerana bayaran bulanan akan dikirakan pada kadar terbaru iaitu lebih tinggi mengikut kenaikan OPR,” katanya.

Menurutnya, berdasarkan kenaikan harga barang keperluan sekarang, maka golongan B40 ini lebih sukar dan mencabar untuk membuat pinjaman baharu sama ada mereka merancang membeli rumah atau motokar.

Beliau berkata, hasrat membeli rumah mungkin perlu dipendamkan terlebih dahulu sehingga pendapatan mereka naik ke aras lebih selesa.

Kelmarin, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan 25 mata asas menjadikan kadarnya ketika ini 2.50 peratus.

Ia kenaikan kali ketiga berturut-turut tahun ini untuk kadar penanda aras pinjaman dan simpanan sejak Mei dan Julai lalu, dengan masing-masing 25 mata asas kepada 2.25 peratus berbanding paras rekod terendah 1.75 peratus sebelum ini.

‘ Bagi golongan B40 pula, mereka tidak mempunyai pinjaman yang banyak pada kadar apungan kerana bank mengenakan kadar faedah tetap yang mungkin lebih tinggi’

Dr Aimi